



**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA) MEMPELAWA
CALON-CALON YANG BERKELAYAKAN DAN MEMENUHI KRITERIA UNTUK
MEMOHON JAWATAN**

**TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)
GRED UTAMA B (VU6)**

A. MAKLUMAT JAWATAN

Jawatan	:	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi
Gred Jawatan	:	Gred Utama B (VU6)
Kaedah Pengisian	:	Pertukaran Sementara/ Peminjaman/ Kontrak
Tempoh Lantikan	:	Satu (1) hingga tiga (3) tahun perkhidmatan untuk setiap lantikan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Pilih
Gaji	:	RM 8,650.00 (Minimum) – RM 24,030.00 (Maksimum)
Imbuhan	:	Imbuhan pada gred yang bersesuaian akan dipertimbangkan mengikut peraturan dan pekeliling yang sedang berkuat kuasa

B. BIDANG TUGAS

Melaksanakan tugas sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Universiti Malaysia Pahang 2010 dan Statut Universiti.

C. KELAYAKAN ASAS

Telah memegang jawatan Profesor atau Profesor Madya dengan kelayakan Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D) atau setaraf serta berpengalaman memimpin dan mengurus Jabatan/Pusat/Fakulti.

D. KRITERIA UMUM

1. **Pengalaman**

Berpengalaman memegang jawatan sebagai Ketua Jabatan di mana-mana Universiti Awam, agensi Kerajaan atau swasta, *Government Link Company* (GLC), syarikat multinasional atau mana-mana syarikat terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia

2. **Kecemerlangan Akademik**

Penyandang mestilah mempunyai kelayakan PhD, mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan dan perundingan, penerbitan jurnal berwasit antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.

3. **Pengiktirafan Antarabangsa**

Diiktiraf *peers* antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima anugerah dan pengiktirafan organisasi terkemuka antarabangsa.

4. **Kebolehan Memimpin dan Mengurus**

Penyandang mestilah mempunyai *people skills* yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.

5. **Reputasi**

Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf. Mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati berdasarkan kredibilitinya oleh semua masyarakat dalam kampus, organisasi di mana dia berkhidmat dan masyarakat luar.

6. **Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal yang Mantap**

Mempunyai kemahiran komunikasi dan *interpersonal* yang mantap dalam mentadbir pelbagai lapisan masyarakat kampus yang *multicultural*.

7. **Proaktif**

Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian isu dalam apa jua situasi.

8. **Pengurusan Risiko**

Berkeupayaan mengenal pasti risiko dan menguruskannya dengan baik dan berhemah.

9. **Personaliti**

Seseorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, *team player* serta mempunyai semangat dalaman yang kuat untuk memacu kecemerlangan Universiti. Calon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan bermentaliti kelas pertama.

10. **Lain-lain Kriteria**

Lain-lain kriteria yang difikirkan sesuai berdasarkan *niche area* universiti.

E. KRITERIA KHUSUS

1. Mempunyai PhD dan Kelayakan Profesional

Penyandang bertanggungjawab menguruskan Jawatankuasa Pemilihan kenaikan pangkat Guru (Profesor Madya ke bawah) dan perlu mempamerkan kewibawaan khususnya kelayakan akademik tertinggi PhD. Bagi Universiti yang berfokus seperti kejuruteraan *Malaysian Technical Universities Networks* (MTUN), kelayakan profesional perlu diberi merit yang utama memandangkan proses akreditasi adalah salah satu bidang tugas seorang TNC(A&A).

2. Berpengalaman Dalam Pembentukan Kurikulum (Curriculum Design)

Ini merupakan salah satu tugas hakiki TNC(A&A). Penyandang bertanggungjawab dalam agenda kritikal Pengajaran dan Pembelajaran dan mestilah mahir mengendalikan kurikulum yang seimbang dan bersepadu. Penyandang juga merupakan sekretariat dan pihak berwajib kepada Senat yang diberi kuasa yang lebih dalam AUKU dalam reka bentuk kurikulum Universiti.

3. Pakar Pengajaran dan Pembelajaran

TNC(A&A) juga adalah seorang yang wajib dihormati dan mempamerkan kewibawaan dalam inovasi pengajaran dan pembelajaran (Teaching & Learning). Penyandang perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam mengenai aspek-aspek berikut iaitu Pembelajaran Berpusatkan Pelajar (SCL), Pembelajaran Berasaskan Masalah (PBL), Pendekatan Berasaskan Projek Berorientasikan Masalah (POPBL), Pembelajaran Sepanjang Hayat (LLL), Penaksiran dan *Outcome Based Education*.

4. Kecemerlangan Penyelidikan dan Penerbitan

Penyandang mestilah mempunyai rekod yang cemerlang dalam hasil penyelidikan dan penerbitan serta telah dilantik sebagai Profesor. Ini kerana sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Guru, penyandang bertanggungjawab menentukan tanda aras calon Profesor Madya. Oleh itu, penyandang hendaklah cemerlang dalam penyelidikan, telah menerbitkan artikel dalam jurnal berwasit, berimpak tinggi serta mendapat pengiktirafan antarabangsa.

5. Pengalaman Sebagai Penyelia yang Berjaya

Penyandang juga perlu mempunyai rekod cemerlang dalam penyeliaan pascasiswazah (Sarjana & PhD) dengan jayanya. Ini kerana TNC(A&A) bertanggungjawab dalam Jawatankuasa Senat bagi pengajian siswazah dan menjadi penimbang tara bagi isu-isu akademik pengajian siswazah.

6. Hal Ehwal Antarabangsa

Penyandang akan ditugaskan untuk mempromosikan program akademik dan mobiliti pelajar di peringkat antarabangsa. Oleh itu, pengalaman dan kebolehlihatan di peringkat antarabangsa perlu dimiliki oleh penyandang. Calon harus mempunyai hubungan yang luas dan reputasi yang baik di peringkat serantau dan antarabangsa.

F. CARA MEMOHON

Individu yang berminat untuk mengisi jawatan ini hendaklah mengemukakan permohonan rasmi beserta dokumen seperti berikut:

1. Borang Permohonan.
2. *Curriculum Vitae* (CV) yang lengkap dan terkini mengandungi maklumat berikut:
 - a. Latar Belakang Diri
 - b. Latar Belakang Pendidikan
 - c. Pengalaman Kerjaya
 - d. Jawatan-jawatan pentadbiran yang disandang
 - e. Anugerah dan hadiah yang berprestij yang telah diterima di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
 - f. Sumbangan-sumbangan yang diiktiraf dan bermakna kepada Pembangunan universiti dan Pendidikan Tinggi Negara
 - g. Dokumen Sokongan Yang Berkaitan
3. *Key Performance Indicators* (KPI) dan ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi untuk portfolio jawatan sekiranya berjaya dilantik ke jawatan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dalam bentuk slaid pembentangan yang ringkas dan padat (dalam format PDF; maksimum 5 muka surat). Ringkasan perancangan dan pelaksanaan strategi ini hendaklah disediakan dengan berpandukan kepada skop tugas yang telah diperincikan berdasarkan kompetensi dan keperluan jawatan.
4. Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat berikut:

Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi
Jabatan Pendaftar
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah
26600 Pekan, Pahang
e-mel: upo.hr@umpsa.edu.my

Tarikh Tutup Permohonan : 5 Disember 2025 (Jumaat)

5. Permohonan yang tidak menerima sebarang maklum balas dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan adalah dianggap tidak berjaya.
6. Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil bagi sesi temu bual.
7. Segala perbelanjaan berhubung dengan urusan permohonan/temu bual bagi jawatan ini **TIDAK DITANGGUNG** oleh UMPSA.